



13 APR, 2024

Kerja bersihkan Stesen Hidro Pangi siap 1 Jun

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Page 1 of 2

Kerja bersihkan Stesen Hidro Pangi siap 1 Jun

Jinni Juanis

KOTA KINABALU: Kerja-kerja untuk membersihkan Stesen Janakuasa Hidro Tenom Pangi (SJHTP) dijangka siap pada 1 Jun ini, kata Pengerusi Sabah Electricity Board Sdn Bhd (SESB) Datuk Wilfred Madius Tangau.

"Ia akan siap pada 1 Jun ini," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tuaran berkata, apabila siap nanti stesen yang mempunyai keupayaan menjana tenaga elektrik sekitar 60MW itu akan membekalkan tenaga kepada penduduk di kawasan Keningau, Tambunan, Beaufort dan Tenom.

Katanya, sekarang ini kerja-kerja membersihkan lumpur dan kayu yang masih terdapat di bahagian "power house" dan "surge tank" di stesen itu sedang berjalan.

"Saya sudah mengadakan lawatan ke Stesen Janakuasa Hidro Tenom Pangi (SJHTP) pada April 8 untuk melihat



sendiri perkembangan kerja-kerja pembaikan yang sedang giat dijalankan," tambahnya.

Menurutnya, lima pasukan sedang bertungkus-lumus menempuh jarak lapan kilometer keseluruhan untuk pergi dan balik berulang kali di dalam terowong bagi membersihkan lumpur dan kayu yang masih tersangkut di bahagian "power house" dan "surge tank."

Katanya, pihak SESB bersama kontraktor juga berinovasi menggunakan kaedah yang tidak membabitkan sebarang aktiviti peletupan bagi tujuan menghancurkan batu-batan besar untuk memudahkan proses pengalihannya.

"Dalam lawatan ini, saya telah disertai oleh sahabat saya Ahli Parlimen Tenom, Riduan Rubin di mana perbincangan mengenai mengadakan doa selamat telah dicadangkan."

"Jika semuanya berjalan dengan lancar, stesen ini dijangka siap pada 1 Jun tahun ini dengan keupayaan membekalkan sekitar 60MW tenaga elektrik bagi kawasan Keningau, Tambunan, Beaufort dan Tenom.

"Bersama-sama kita doakan agar kerja-kerja pembaikan ini berjalan dengan lancar dan kesemua petugas akan sentiasa dilindungi," jelasnya.

Operasi SJHTP terjejas kerana timbunan sampah sarap dan potongan kayu yang hanyut dari hulu Sungai Padas dan Sungai Pegalan setiap kali musim banjir. SESB memberitahu bahawa muka sauk utama stesen ini tersumbat menyebabkan kapasiti yang dapat dijana menurun.

Ini memaksa stesen mengurangkan beban set janakuasa atau menghentikan operasi semua set janakuasa jika sampah sarap bertambah banyak. Kesan daripada ini menjejaskan sistem bekalan elektrik di Sabah.

Empangan Pangi Tenom adalah sebuah empangan hidroelektrik merentasi Sg Padas di daerah pedalaman negeri ini yang terletak 120km dari Kota Kinabalu.

Ia mempunyai tiga turbin, dengan setiap turbin mempunyai keupayaan 22 MW. Stesen ini mula dibina pada 1978 dan siap 10 tahun kemudian selepas turbin terakhir siap dipasang. Ia mula berfungsi pada 1984.